KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	19/12/2021 (AHAD)	MUKA SURAT	:	8
JABATAN	:	UMUM			

HM 19.12.2021_8



PEKERJA penyelenggaraan menutup Jalan Jimah-Sendayan akibat tanah runtuh berikutan hujan lebat sejak kelmarin. - Gambar NSTP/AZRUL EDHAM MOHD

Tanah runtuh di Jalan Jimah-Sendayan

Rembau: Hujan tanpa henti lebih 24 jam menyebabkan tanah runtuh di Jalan Jimah-Sendayan, Jalan Lubok China-Port Dickson dan Jalan Sawah Raja-Nerambai, di sini terpaksa ditutup susulan air naik kira-kira 0.4 meter.

Jurutera Daerah, Jabatan Kerja Raya (JKR), Mohd Fareid Isa berkata, air di laluan Jalan Lubok China-Port Dickson dikesan mula naik seawal jam 12.30 tengah malam kelmarin membabitkan keluasan kawasan kira-kira 300 meter.

"Manakala di laluan Jalan Sawah Raja-Nerambai pula air mulai naik seawal jam 7 pagi semalam. Kedua-dua laluan masih ditutup daripada sebarang kenderaan.

"Berdasarkan maklumat, antara faktor yang menyumbang kepada laluan dinaiki air adalah fenomena air pasang besar menyebabkan aliran air yang banyak dari pelbagai tempat bertumpu di lokasi berkenaan.

"Justeru itu, kedua-dua laluan berkenaan terpaksa ditutup sementara bagi mengelak sebarang kejadian tidak diingini kerana hujan masih turun ketika ini," katanya.

Sementara itu, berlaku kejadian tanah runtuh di Jalan Jimah-Sendayan berdekatan Sekolah Kebangsaan (SK) Jimah Baru di sini, awal pagi semalam menyebabkan sebahagian jalan runtuh.

Kejadian kira-kira jam 5 pagi itu disedari agensi bantuan banjir di kawasan berkenaan sebelum menutup jalan daripada dilalui orang awam.

Pengarah Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Negeri Sembilan, Leftenan Kolonel (PA) Mohd Syukri Madnor berkata, kejadian dipercayai berlaku lebih awal.

"Jalan berkenaan ditutup kepada pengguna. Pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) sedang memantau kawasan kejadian," katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Seremban, Asisten Komisioner Nanda Maarof berkata, pihaknya mendapat makluman kejadian berkenaan selepas satu video tular di laman sosial mengenai kejadian itu.